

# PM minta Khairy beri penjelasan

KUALA LUMPUR 27 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin memberi penjelasan mengenai kenyataannya yang menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata, memandangkan kenyataannya itu telah dipersoalkan, maka Khairy perlu membuat penjelasan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Abdullah yang juga Presiden UMNO menasihati Khairy agar berhati-hati membuat kenyataan selepas ini supaya tidak menyinggung mana-mana pihak.

"Berhati-hati (dalam membuat kenyataan) itu penting dalam sebarang pendekatan, kerana ia akan memberi reaksi dan kesan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyampaian hadiah Pameran Lukisan Cat Air Nasional Putrajaya Pertama 2006 di Balai Seni Lukis Negara, di sini hari ini.

Abdullah mengulas desakan perwakilan Pemuda MCA supaya Khairy memohon maaf berhubung kenyataannya baru-baru ini yang dikatakan telah melukakan hati MCA dan masyarakat Cina.

Khairy semasa merasmikan persidangan perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Jerlun, Kedah didakwa mengatakan kaum Cina akan mengambil kesempatan daripada kelemahan UMNO.

Ditanya sama ada Khairy perlu memohon maaf berhubung kenyataannya itu, Abdullah berkata, tidak timbul persoalan Khairy perlu berbuat demikian.

Katanya, Khairy telah membuat kenyataan tersebut, dan tiada sesiapa yang mengetahui maksud sebenar kenyataannya itu melainkan Khairy sendiri.

Sementara itu, Abdullah berkata, beliau telah mengarahkan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan menjalankan siasatan terbuka berhubung insiden penyebaran klip video yang menunjukkan tahanan lokap dibelasah anggota polis.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata demikian ketika ditanya mengenai penyebaran klip video itu, yang disiarkan sebuah stesen televisyen swasta dan dikatakan diterima melalui e-mel.